

03/04/1997

MAS mampu jadi terbaik: PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Penerbangan Malaysia (MAS) boleh berkembang menjadi salah satu syarikat penerbangan terbesar di dunia, jika ia sentiasa bersedia melaksanakan perubahan ke arah menjayakan matlamat itu.

Perdana Menteri berkata, setiap kakitangan MAS perlu berdedikasi, bangga dan sentiasa memiliki keinginan menjadikan syarikat penerbangan kebangsaan itu sebagai yang terbaik di dunia.

Selain itu, katanya, kakitangan MAS perlu bijak menggunakan peluang yang ada dan kecekapan ini harus ada pada setiap anggota syarikat penerbangan itu bagi menempuh setengah abad kedua yang akan datang.

Menurut Dr Mahathir, kakitangan MAS juga perlu menyedari bahawa kejayaan organisasi itu secara tidak langsung akan memberi keuntungan kepada mereka dan sebarang kegagalan bukan saja merugikan syarikat, malah negara turut menanggung malu.

"Tahun ini, MAS akan memulakan setengah abad kedua. Peluang dan potensi MAS untuk berkembang dan menjadi salah satu syarikat penerbangan terbesar di dunia memang cerah, tetapi peluang akan tinggal peluang jika kita tidak tahu atau tidak mahu menggunakannya.

"Saya yakin kecekapan ada pada semua anggota MAS. Hanya yang diperlukan ialah dedikasi dan kebanggaan terhadap organisasi sendiri serta keinginan untuk menjayakannya.

"Kejayaan organisasi sendiri tidak dapat tidak akan memberi keuntungan secara langsung akhirnya kepada diri kita. Sebaliknya jika kita gagal, kita juga akan rugi. Bagi MAS, bukan saja ia akan rugi tetapi negara akan malu," katanya di majlis makan malam sempena ulang tahun MAS ke-50 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini malam ini.

Turut hadir Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli dan Pengarah Urusan MAS, Datuk Wan Malek Ibrahim. Di majlis yang sama, Perdana Menteri turut melancarkan Yayasan MAS.

Dr Mahathir berkata, MAS perlu menyedari hakikat bahawa perkhidmatan kepada pelanggan amat penting dalam menentukan kejayaan syarikat itu ke arah mengatasi saingan syarikat penerbangan lain di rantau ini.

Tambah Perdana Menteri, syarikat penerbangan kebangsaan itu pernah memenangi gelaran The Best Business Airline in Asia selama dua kali berturut-turut dan ini adalah bukti MAS mampu mencapai tahap perkhidmatan yang tinggi.

Menurut Dr Mahathir, di negara Barat memberi perkhidmatan dan layanan yang baik dianggap hina kerana pelanggan tidak dianggap lebih tinggi daripada syarikat penerbangan di sana.

"Mereka lupa ada kalanya mereka turut menjadi pelanggan dan ketika itu sudah tentu mahu khidmat tidak menghina mereka. Di Asia, kita bernasib baik kerana tradisi memberi khidmat masih ada," katanya.

Perdana Menteri juga mahu pengurusan MAS mengambil iktibar daripada pengalaman pahit pada masa lalu apabila ia mengetepikan laluan antarabangsa yang lumayan kerana mahu menumpukan kepada sektor domestik.

Menurutnya, sejarah pahit itu tidak harus dilupakan kerana ia menjadi pengajaran besar kepada negara dan pengurusan MAS sendiri.

"Kita bukan berangan-angan besar ... sebenarnya ia bukan angan-angan dan kita bukan tidak mampu. Kita berhak dan mampu, tetapi sama ada kita berjaya menebus kesilapan kita bergantung kepada pengajaran yang

diperoleh," katanya.

Dr Mahathir turut memuji peningkatan MAS secara menyeluruh sejak ia dipindah milik kepada sektor swasta yang diketuai Tan Sri Tajudin Ramli, yang kini menjadi Pengerusinya.

Perdana Menteri berkata, tujuan kerajaan memindah milik kepada swasta ialah berdasarkan kepercayaan pengurusan pelabur adalah lebih baik, daripada orang yang tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam prestasi syarikat.

(END)